

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NASIONAL

Kes baharu kanser meningkat

16,000 kematian direkod di Malaysia pada 2018

Oleh Petah Wazzan Iskandar
wazzan@bh.com.my

Putrajaya: Kementerian Kesihatan semalam menyenaraikan 10 jenis kanser utama dikesan dalam kalangan rakyat Malaysia yang menjadi penyebab kematian kedua tertinggi di negara ini.

Disenaraikan mengikut keutamaan, 10 kanser terbahit adalah kanser payudara, kolorektal, paru-paru, limfoma, 'nasopharynx' (menyerang pesakit dari pangkal hidung), leukemia, kelenjar prostat, hati, pangkal rahim (serviks) dan ovari.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata pihaknya mendapati terdapat peningkatan kes baharu kanser bagi tempoh 2012 hingga 2016, iaitu 115,236 kes berbanding 103,507 kes bagi tempoh 2007 hingga 2011.

Katanya, ia berdasarkan 86 kes bagi setiap 100,000 populasi lelaki dan 102 kes bagi setiap 100,000 populasi wanita.

Semua maklumat terbahit diperolehi daripada laporan 'Malaysia National Cancer Registry Report' 2012-2016 (MNCRR), iaitu kesinambungan laporan pertama MNCRR bagi tempoh 2007 hingga 2011 yang diterbitkan pada 2016 oleh Institut Kanser Negara.

"Kanser menjadi penyebab kematian kedua tertinggi di dunia dan di Malaysia pada 2018 yang menyumbang kepada 9.6 juta kematian di dunia dan 16,000 kematian di negara kita.

"Analisis mendapati ramai lelaki menghidap kanser kolorektal, diikuti kanser paru-paru dan kelenjar prostat. Manakala dalam kalangan perempuan ialah kanser payudara diikuti kanser kolorektal dan pangkal rahim," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Dr Noor Hisham menjelaskan, leukemia dan kanser sistem saraf tunjang paling kerap dikesan dalam kalangan kanak-kanak berusia

sehingga 14 tahun, manakala limfoma pula dalam kalangan usia 15 hingga 24 tahun.

Kanser pangkal rahim, katanya, bagaimanapun menunjukkan penurunan ketara iaitu daripada laporan kes kepada enam kes bagi setiap 100,000 populasi wanita di Malaysia.

"Penurunan ini mungkin disebabkan kempen pengesanan awal melalui ujian 'pap smear' disediakan kerajaan di semua fasiliti kesihatan. Bagaimanapun, ada peningkatan ketara untuk kanser payudara dan kolorektal," katanya.

Beliau berkata, kes kanser lewat dikesan iaitu pada tahap tiga dan empat juga didapati meningkat daripada 58.7 peratus pada 2007 hingga 2011 kepada 63.7 peratus pada 2012 hingga 2016 melalui kajian 'Malaysian Study on Cancer Survival' yang diterbitkan pada Oktober 2018.

Analisis laporan mengikut etnik pula, katanya, menunjukkan kaum Cina paling kerap dikesan menghidap kanser, diikuti Melayu dan India.

Dr Noor Hisham menjelaskan, bagi setiap 100,000 populasi penduduk berbangsa Cina, didapati 106 lelaki serta 117 perempuan menghidap kanser.

"Bagi Melayu pula, lelaki dan perempuan masing-masing menunjukkan kadar insiden 74 kes dan 91 kes bagi setiap 100,000 populasi, manakala bagi kaum India, kadar insiden yang dicatatkan ialah 67 kes lelaki dan 107 kes perempuan bagi setiap 100,000 populasi," katanya.

Justeru, beliau berkata, pihaknya merumuskan bahawa laporan itu menunjukkan peningkatan beban kanser dalam kalangan penduduk Malaysia dan berharap hasil dapatan laporan berkenaan dimanfaatkan semua pihak bagi merancang dan menilai keberkesanan program kawalan serta pencegahan kanser.

Kanser menjadi penyebab kematian kedua tertinggi di dunia dan di Malaysia pada 2018 yang menyumbang kepada 9.6 juta kematian di dunia dan 16,000 kematian di negara kita.

Dr Noor Hisham Abdullah,
Ketua Pengarah Kesihatan



10 JENIS KANSER utama dikesan dalam kalangan RAKYAT MALAYSIA

1 KANSER PAYUDARA

- Tertinggi dalam kalangan wanita Malaysia.
- 3,500 kes secara purata setiap tahun

Symptom: Warna dan permukaan kulit berubah, bentuk/saiz berubah, lelehan tidak normal dari puting, ketumbuhan/ketulan, puting terbalik/datar, benjolan di ketiak.




2 KANSER HUSUK

- Kanser yang berlaku di bahagian usus besar atau rektum (bahagian yang menghubungkan kolon dan dubur)
- 13.2 % kanser usus daripada 35,000-45,000 kes dilaporkan setiap tahun.



3 KANSER DARU-DARU

- Ujian saringan awal kanser paru-paru mungkin menyelamatkan nyawa.
- Merokok penyebab utama kanser paru-paru. Seorang perokok mempunyai 15-30 kali lebih risiko untuk mendapat kanser paru-paru.
- 3/4 kes di Malaysia dikesan awal.
- Kanser paru-paru pembunuh utama.
- Kajian menunjukkan saringan awal imbasan CT dos rendah boleh mengesan kanser paru-paru di peringkat awal.



4 KANSER LIMFOMA

- Limfoma adalah sejenis kanser berkaitan sel limfosit yang terbahit dalam sistem imun badan.
- Tanda-tanda kanser limfoma: Pembengkakan kelenjar limfa atau hati dan limpa, demam berpanjangan, ruam dan kegatalan kulit, hilang berat badan, hilang selera makan dan keletihan.

7 KANSER HATI

- Kanser hati sering tidak menunjukkan apa-apa gejala pada peringkat awal.
- Bagaimanapun, pesakit mungkin mengalami satu daripada tanda ini atau lebih.
- Rasa sakit pada bahagian kanan perut.
- Rasa ketulan pada bahagian kanan perut.
- Bahagian perut bengkak (kembung).
- Hilang selera makan atau rasa kenyang.




5 KANSER DANTRAI HIDUNG

Kanser pangkal hidung terjadi di bahagian nasorafiks, berdekatan pangkal tengkorak. Ia kanser kelima selepas payudara, usus, paru-paru dan limfoma.



6 KANSER SERVIKS

Faktor yang meningkatkan risiko penyakit kanser serviks jangkitan HPV (Human Papillomavirus), mempunyai ramai pasangan seks, hubungan seksual yang terlalu awal (sebelum umur 18 tahun) dan merokok.



8 LEUKEMIA

Kanser darah berasal dari sum-sum tulang. Sel leukemia mampu menghapuskan fungsi sum-sum tulang dan menghalang penghasilan sel darah normal.



9 KANSER PROSTAT

Symptom-symptom: Aliran air kencing yang tidak lancar, kerap buang air kecil dan kerap bangun pada waktu malam untuk buang air kecil.



10 KANSER OVARI

Keempat tertinggi dalam kalangan wanita Malaysia.

Faktor risiko: Umur lanjut, obesiti, sejarah keluarga menghidap kanser ovari/kanser payudara/kanser kolorektal, penggunaan ubat hormon selepas menopause.



Grafik BHI

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NASIONAL

Klinik Berhenti Merokok

18,600 perokok berjaya buang tabiat tidak sihat

Ipoh: Seramai 18,600 perokok berjaya membuang tabiat tidak sihat itu menerusi program Klinik Berhenti Merokok dikendalikan Kementerian Kesihatan sepanjang tahun lalu.

Timbalan Menteri Kesihatan, Dr Lee Boon Chye, berkata sambutan terhadap program itu dengan lebih ramai perokok menyertai klinik disediakan, meningkat dengan ketara sebaik penguatkuasaan larangan mero-

kok diperluaskan.

"Jadi, kita harap tahun ini, jumlah itu akan meningkat lagi. Kita sudah memberi peruntukan yang lebih untuk program berhenti merokok pada tahun ini," katanya selepas Program Penyerahan Alat Perubatan LEGA, iaitu alat alternatif untuk mengeluarkan kahak kepada Klinik Kesihatan Gunung Rapat, di sini semalam.

Dr Boon Chye berkata, dengan

hanya bayaran RMI, perokok yang menyertai Klinik Berhenti Merokok akan mendapat rundingan daripada pakar bagi membantu mereka berhenti daripada tabiat itu.

"Kalau hendak berhenti merokok, boleh pergi ke klinik kesihatan. Kalau tidak boleh dan susah untuk berhenti merokok, jangan merokok di restoran dan di hadapan orang lain," katanya.



Keratan akhbar BH 18 Ogos 2019.

Larangan merokok

605 notis, kompaun RM144,450 dikeluarkan

Operasi bermula Rabu lalu babit 2,087 penguat kuasa periksa 6,119 kedai makan

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim, Balqis Jazimah Zahari dan Ruwaida Md Zain bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Sejumlah 605 notis dengan jumlah kompaun RM144,450 dikeluarkan menerusi penguatkuasaan serentak larangan merokok di semua tempat makan, termasuk tempat makan terbuka seluruh negara yang bermula Rabu lalu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata 34 daripada notis kesalahan dikeluarkan adalah kepada perokok belum dewasa.

Katanya, penguatkuasaan bermula jam 8 pagi 1 Januari lalu sehingga tengah malam berkenaan, membabitkan 2,087 penguat kuasa Kementerian Kesihatan yang memeriksa 6,119 tempat makan.

Hasil gerakan berkenaan, beliau memaklumkan, jumlah mereka merokok di tempat makan masih tinggi, iaitu di 10 peratus daripada premis dilawati.

"Mereka yang menerima notis kesalahan merokok di tempat makan dikompaun RM250. Bagi ke-

salahan pertama, kompaun boleh dikurangkan kepada RM150 jika bayaran dijelaskan di mana-mana Pejabat Kesihatan daerah dalam tempoh satu bulan dari tarikh kompaun diterima.

"Bagi kesalahan kedua, tiada pengurangan kompaun, manakala bagi kesalahan ketiga dan seterusnya, nilai kompaun lebih tinggi, iaitu RM350 akan dikenakan.

"Selain perokok, 103 notis kesalahan dengan jumlah kompaun RM25,750 dikeluarkan kepada pemilik premis membabitkan 79 notis kerana gagal mempamerkan tanda larangan merokok dan 24 notis kerana menyediakan kemudahan merokok," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Beliau menjelaskan, Peraturan 12 (1) (a) dan 12(1)(b) Peraturan-



Zaini (berdiri kanan) mengedarkan risalah larangan merokok di tempat makan kepada orang ramai di Kampung Langgar, Kota Bharu.

(Foto Syamsi Suhaimi/BH)

raturan Kawalan Hasil Tambakan (PPKHT) 2004 menetapkan pemilik tempat makan perlu memastikan premis mereka bebas daripada bentuk amalan merokok dengan mempamerkan tanda larangan merokok secara jelas.

Mereka juga, katanya, tidak boleh menyediakan kemudahan merokok seperti bekas abu rokok, perkhidmatan menjual shisha serta lain-lain kemudahan merokok.

"Rata-rata pemilik premis memberi kerjasama dan menjalankan tanggungjawab melaksanakan penguatkuasaan larangan merokok di tempat mereka. Ke-

salahan tuan punya kepada premis dilawati juga turun daripada 47 peratus pada hari pertama Januari 2019 kepada 1.7 peratus pada hari pertama Januari 2020," katanya.

Di Shah Alam, Pengarah Jabatan Kesihatan Selangor, Datuk Dr Khalid Ibrahim memaklumkan, jabatan berkenaan mengeluarkan 150 notis kesalahan bernilai RM30,750 terhadap perokok dalam tempoh 48 jam operasi berkenaan yang dijalankan di 562 premis seluruh negeri berkenaan.

"Tujuh daripada 150 notis dikeluarkan kepada orang belum

dewasa termasuk seorang kerana memiliki rokok elektronik. Selain itu, 20 notis dengan kompaun RM5,000 dikeluarkan terhadap pemilik premis, membabitkan 18 notis kerana gagal pameran tanda larangan merokok dan dua notis kerana menyediakan kemudahan merokok," katanya.

Katanya, tiada lagi tawaran kompaun bagi kesalahan berkenaan mulai Julai ini, sebaliknya tindakan pendakwaan akan terus diambil.

Di Kota Bharu, Jabatan Kesihatan Kelantan mengeluarkan 26 kompaun terhadap perokok yang gagal mematuhi peraturan apabila tetap merokok dalam restoran atau kedai makan pada hari pertama larangan itu dikuatkuasakan.

Pengarahnya, Datuk Dr Zaini Hussin ketika dihubungi semalam, berkata masih ada perokok tidak mematuhi larangan terbabit walaupun mengetahui ia berkuat kuasa Rabu lalu.

"Justeru, kita sentiasa melakukan pemeriksaan di kedai makan, termasuk di luar bandar serta di luar waktu pejabat bagi memastikan peraturan ini dipatuhi semua. Pegawai kita akan memakai pakaian seragam, bukan menggunakan kaedah penyamaran bagi memastikan pelanggan mematuhi peraturan.

RON97 naik 2 sen, RON95, diesel kekal

Putrajaya: Harga runcit petrol RON97 naik dua sen kepada RM2.65 sen seliter, manakala RON95 dan diesel masing-masing kekal pada paras RM2.08 satu liter dan RM2.18 satu liter, mulai tengah malam tadi.

Kementerian Kewangan dalam kenyataan semalam, berkata harga runcit produk petroleum itu bagi tempoh 4 Januari sehingga 10 Januari ini.

"Berdasarkan penetapan harga runcit produk petroleum secara mingguan menggunakan formula Mekanisme Harga Automatik (APM), harga runcit produk petrol RON95 dan diesel bagi tempoh sama sepatutnya sebanyak RM2.35 satu liter

dan RM2.43 satu liter.

"Ini menunjukkan kenaikan dari minggu lalu bagi harga runcit produk petrol RON95 yang berada pada paras RM2.33 satu liter dan diesel yang berada pada paras RM2.39 satu liter.

"Namun, harga runcit bagi dua produk itu dikekalkan pada paras RM2.08 satu liter dan RM2.18 satu liter selaras keputusan kerajaan menagguhkan Program Subsidi Petrol," katanya.

Menurut kenyataan berkenaan, dengan pengurangan harga runcit bagi kedua-dua produk itu dianggarkan subsidi yang perlu ditanggung oleh kerajaan bagi tempoh 4 Januari sehingga 10 Januari 2020 berjumlah RM128.24 juta.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 12

RUANGAN : NASIONAL

Vaksin pneumokokal percuma mulai Jun

Ipo: Kementerian Kesihatan akan melaksanakan program suntikan vaksin pneumokokal secara percuma, khusus kepada bayi yang baru lahir, bermula Jun tahun ini.

Timbalan Menteri Kesihatan, Dr Lee Boon Chye, berkata setakat ini mereka yang layak diberikan suntikan percuma adalah bayi baru lahir bermula 1 Januari 2020.

"Kita dalam proses perolehan ubat (vaksin) berkenaan agar selepas itu ia boleh diedarkan kepada semua klinik dan hospital.

"Jadi, kita menjangkakan pe-

laksanaan program suntikan itu akan bermula sekurang-kurang pada Jun ini," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Program Penyerahan Alat Perubatan LEGA kepada Klinik Kesihatan Gunung Rapat di Jalan Gopeng, Gunung Rapat di sini, semalam.

Dr Boon Chye berkata, suntikan percuma itu bagaimanapun tidak dapat diberikan kepada bayi yang lahir sebelum 1 Januari tahun ini kerana peruntukan tidak termasuk dalam Belanjawan 2020.

Media sebelum ini melaporkan Kementerian Kesihatan akan me-

Kita dalam proses perolehan ubat (vaksin) berkenaan agar selepas itu ia boleh diedarkan kepada semua klinik dan hospital.

*Dr Lee Boon Chye,
Timbalan Menteri Kesihatan*

rangka strategi pelaksanaan bagi memastikan peruntukan RM6 juta untuk vaksin pneumokokal diumumkan pada Belanjawan 2020, baru-baru ini, dapat digunakannya secara baik.

Menterinya, Datuk Seri Dzulkefly Ahmad, dilaporkan berkata, pihaknya komited melaksanakan program terbabit se awal mungkin pada tahun depan.

Bagaimanapun Dr Dzulkefly menegaskan Kementerian perlu melihat jumlah diberi sebelum menilai keupayaan boleh diperolehi dari sumber kewangan terbabit.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 15

RUANGAN : NASIONAL

Awasi laman sosial sebar maklumat vaksinasi tak tepat

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) perlu mengambil tindakan terhadap individu atau kumpulan yang mempengaruhi orang ramai melalui penyebaran maklumat tidak tepat mengenai vaksinasi di laman web dan media sosial.

Presiden Persatuan Perubatan Malaysia (MMA), Dr N Ganabaskaran, berkata maklumat berkaitan perubatan yang dikongsi di platform media sosial sepatutnya perlu mempunyai kredibiliti dan daripada sumber yang sah.

"Kenyataan dan maklumat yang dikongsi di media sosial oleh kumpulan antivaksin harus berasaskan

fakta dan disokong oleh bukti kukuh yang diiktiraf, diterima sebagai fakta dan disahkan oleh pihak berkuasa kesihatan global serta kebangsaan.

"Adalah berbahaya jika seseorang individu itu tidak mengetahui cara untuk mengesahkan maklumat yang dikongsi itu tepat dan boleh dipercayai," katanya kepada *BH*, semalam.

Muka depan *BH* semalam melaporkan mengenai sekumpulan individu radikal tempatan yang menolak kaedah perubatan moden berjaya menarik sehingga lebih 40,000 ahli di media sosial bagi mempromosikan kepercayaan mereka.

Laman Facebook kumpulan itu juga menjadi me-

dan interaksi golongan antivaksin untuk bertukar pendapat dan berkongsi idea untuk menolak program kesihatan kerajaan dan usaha pengamal perubatan memperbetulkan persepsi masyarakat.

Kumpulan itu yang wujud sejak 2016 turut menjadi wadah alam maya penentang program vaksinasi negara sehingga menjadi rujukan utama kepada ibu bapa yang meragui vaksin.

Dr Ganabaskaran berkata, cabaran bag i menangani maklumat palsu berkaitan perubatan itu bukan hanya dihadapi Malaysia tetapi juga pada peringkat global, justeru wujud keperluan untuk mengadakan undang-undang membanteras berita palsu.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : NASIONAL

16,000 rakyat Malaysia mati akibat kanser

PUTRAJAYA – Terdapat peningkatan bilangan kes baharu kanser yang dikesan dalam tempoh lima tahun bermula 2012 hingga 2016 iaitu sebanyak 115,238 kes berbanding 103,507 kes bagi tempoh 2007 hingga 2011.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, sebanyak 10 jenis kanser tertinggi dikesan dihidap rakyat Malaysia bagi tempoh 2012 hingga 2016 iaitu kanser payudara, kolorektal, paru-paru, limfoma, nasofarinks, leukemia, kelenjar prostat, hati, pangkal rahim (serviks) dan ovari.

Menurutnya, peningkatan bilangan kes berkenaan diukur dengan kadar insiden sebanyak 86 kes bagi setiap 100,000 populasi lelaki dan 102 kes bagi

setiap 100,000 populasi perempuan.

“Bagi tujuan ini, Institut Kanser Negara telah menerbitkan laporan lima tahun kedua, Malaysia National Cancer Registry Report 2012 hingga 2016 (MNCRR) yang merupakan kesinambungan kepada laporan pertama MNCRR 2007 hingga 2011 yang diterbitkan pada 2016.

“Kanser adalah penyebab kematian kedua tertinggi di dunia pada 2018 yang menyumbang kepada 9.6 juta kematian di dunia dan sebanyak 16,000 kematian di Malaysia,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Beliau berkata, analisis mendapati ramai lelaki menghidap kanser kolorektal, diikuti oleh kanser paru-paru dan kelenjar prostat, manakala ramai perem-

puan menghidap kanser payudara, kolorektal dan pangkal rahim.

“Bagaimanapun, kanser pangkal rahim menurun dengan ketara iaitu daripada lapan kes kepada enam kes bagi setiap 100,000 populasi perempuan di Malaysia.

“Penurunan ini berkemungkinan disebabkan oleh kempen pengesanan awal melalui ujian pap smear yang disediakan oleh kerajaan di semua fasiliti kesihatan.

“Namun, terdapat peningkatan ketara insiden kanser payudara dan kolorektal,” katanya.

Menurutnya, analisis mengikut etnik pula menunjukkan kaum Cina paling kerap dikesan menghidap kanser diikuti kaum Melayu dan India.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : NASIONAL

Jumlah perokok menurun

Berdasarkan perkembangan tahun lalu selepas program larangan merokok

Oleh SAIFULLAH AHMAD

IPOH

Kementerian Kesihatan menjangkakan berlaku peningkatan jumlah individu yang akan berhenti merokok pada tahun ini.

Timbalan Menteri Kesihatan, Dr Lee Boon Chye berkata, jangkauan itu berdasarkan perkembangan tahun lalu yang menunjukkan bilangan individu berhenti merokok meningkat secara mendadak sebaik sahaja pengumuman peluasan kawasan larangan merokok dibuat.

Menurutnya, dengan penguatkuasaan yang dilaksanakan pada tahun ini, pihaknya menjangkakan jumlah tersebut terus bertambah.

“Kalau nak berhenti merokok, bolehlah pergi ke klinik kesihatan untuk mendapatkan bantuan. Dengan bayaran sebanyak RM1, mereka boleh mendapatkan ubat dan konsultasi daripada pakar-pakar yang akan membantu mereka berhenti merokok.

“Setakat ini, seramai 18,660 perokok berjaya berhenti merokok melalui pro-



Boon Chye (kiri) menerima surat cadangan permohonan daripada Pegawai Perubatan Primer Pejabat Kesihatan Daerah Kinta, Dr Zainuddin Abdul Hamid ketika sesi dialog di Klinik Kesihatan Gunung Rapat di Ipoh semalam.

gram yang dijalankan di bawah Kementerian Kesihatan,” katanya kepada pemberita ketika mengadakan lawatan ke Klinik Kesihatan Gunung Rapat di sini semalam.

Sementara itu, mengulas mengenai penguatkuasaan larangan merokok, Boon Chye berkata, sebanyak 612 premis diperiksa di Perak dengan 42 saman dikeluarkan membabitkan seramai 26 individu dan 10 premis.

Daripada jumlah tersebut, beliau berkata, seramai enam individu berumur 18 tahun ke bawah turut dikompaun kerana menghisap rokok atau memegang hasil tembakau.

Beliau menyifatkan penglibatan individu bawah umur dengan aktiviti merokok sebagai membimbangkan.

Sementara itu, dalam perkembangan lain, Boon Chye berkata, pemberian vaksin

pneumokokal secara percuma kepada semua kanak-kanak menerusi Program Imunisasi Kebangsaan (NIP) yang diumumkan pada Belanjawan 2020 akan bermula pada Jun tahun ini.

Menurutnya, kementeriannya kini sedang mendapatkan bekalan vaksin berkenaan sebelum diagihkan kepada semua klinik dan hospital kerajaan seluruh Malaysia.

“Pemberian vaksin pneumokokal ini hanya akan diterima oleh bayi yang lahir bermula 1 Januari 2020.

“Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM60 juta untuk program vaksin pneumokokal ini dan kita masih dalam proses perolehan ubat tersebut,” katanya.

Menteri Kewangan, Lim Guan Eng ketika membentangkan Belanjawan 2020 pada 11 Oktober 2019 meng-

umumkan kerajaan memperuntukkan sebanyak RM30.6 bilion kepada Kementerian Kesihatan dengan sebanyak RM60 juta daripadanya sebagai permulaan untuk menyediakan vaksin pneumokokal kepada semua kanak-kanak.

Penyakit pneumokokal disebabkan oleh bakteria dikenali sebagai *Streptococcus pneumoniae*, yang boleh menyebabkan pelbagai jenis jangkitan serius dan sering berlaku dalam kalangan golongan muda, warga emas dan mereka yang mengalami keadaan perubatan kronik.

Ia termasuk jangkitan paru-paru/inflamasi (radang paru-paru), meningitis (inflamasi membran yang mengelilingi saraf tunjang atau otak), sepsis (jangkitan dalam darah), sinusitis (jangkitan sinus) dan otitis media (jangkitan telinga tengah).

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 32

RUANGAN : NEGERI

Hospital Taiping cari waris pesakit

TAIPING - Hospital Taiping sedang mencari waris pesakit lelaki yang berada di wad hospital itu sejak 5 November 2019 yang lalu.

Lelaki berbangsa Cina yang tidak mempunyai pengenalan diri itu dikenali sebagai Fandi Ng Lai Hock berusia lingkungan 49 tahun.

Sehubungan itu, Pengarah Hospital Taiping, Dr Narimah Yusof berkata, pihaknya sedang mengesan waris pesakit berkenaan.

Menurutnya, sebarang maklumat mengenai waris pesakit itu boleh disalurkan kepada Unit Perhubungan Awam Hospital Taiping di talian 05-8204000 / 4247.



Hospital Taiping sedang mencari waris individu dikenali Fandi Ng Lai Hock.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 35

RUANGAN : NEGERI



JKN Johor pastikan bekalan insulin tidak terjejas

JOHOR BAHRU - Jabatan Kesihatan Negeri (JKB) Johor akan mengambil inisiatif membuat pinjaman dari hospital lain bagi menampung bekalan insulin kepada pesakit yang menerima rawatan di klinik dan hospital kerajaan negeri ini.

Exco Kesihatan, Kebudayaan dan Warisan negeri, Mohd Khuzzan Abu Bakar berkata, usaha itu juga adalah perancangan jangka pendek sementara menunggu pesanan tertunggak daripada pembekal.

Menurutnya, gangguan bekalan itu menyebabkan semua hospital kerajaan di Johor termasuk Hospital Segamat dan hospital kerajaan di

seluruh negara terjejas.

"Sehingga 5 Disember lalu, JKN Johor masih belum menerima bekalan bagi pembelian insulin penfill dengan jumlah kuantiti tertunggak sebanyak 57,695 kotak (sekotak bersamaan lima penfill) bernilai kira-kira RM1.8 juta," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Mohd Khuzzan berkata, pihak hospital di seluruh negeri ini juga akan membuat pembelian insulin dalam bentuk vial bagi menampung kegunaan pesakit yang terjejas.

"Kita mempunyai perancangan ini sementara menunggu pesanan tertunggak daripada pembekal, CCM

Pharmaceuticals Sdn Bhd dan Biocon Sdn Bhd.

"Dimaklumkan, pembekal juga memberi jaminan bahawa kesemua pesanan tertunggak akan dapat dibekalkan sepenuhnya bermula Februari 2020," katanya.

Beliau berkata, Kementerian Kesihatan (KKM) juga telah menerima makluman mengenai perkara itu kerana pembelian insulin itu juga di bawah kontrak pusat dan diselia sepenuhnya oleh kementerian itu.

"Pihak kami akan berusaha sebaik mungkin bagi menjamin bekalan kepada pesakit tidak terputus," katanya.